



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

KONAKA

KONFERENSI AKADEMIK

2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu
UiTM Cawangan Pahang
Kampus Jengka



Amalan Pembaziran dalam Berwuduk: Tinjauan Menurut Perspektif Syarak dan Amalan Masyarakat

Azizi@Hamizi Hashim*¹, Mohd. Kamal Azman Bin Jusoh², Asjad Mohamed³
Mohamad Azmi Nias Ahmad⁴, Amiruldin Md. Sham⁵, Mohammad Yusof Hassan Rashid⁶

^{1,4}Faculty of Accountancy, Universiti Teknologi MARA Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
azizih@pahang.uitm.edu.my, azminias@gmail.com

^{2,3,5,6}Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
mkamalazman@pahang.uitm.edu.my, asjad@pahang.uitm.edu.my
amirulms@pahang.uitm.edu.my, yusofhassan@pahang.uitm.edu.my

*Penulis Rujukan

Abstrak: Sebagai agama yang bersifat universal dan mempunyai nilai-nilai murni sejagat, Islam amat menitikberatkan soal pembaziran dalam setiap aspek kehidupan termasuklah dalam amalan berwuduk. Terdapat nas-nas (rujukan) di dalam Al-Quran dan Hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam (SAW) yang menekankan aspek ini sebagaimana Firman Allah Subhanahu Wa Taala (SWT) yang bermaksud: “Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya” (Surah Al-Isra, ayat 27). Ayat ini secara umum menekankan tentang larangan melakukan pembaziran dalam segenap aspek kehidupan. Natijah dari pembaziran boleh mendatangkan mudharat kepada pelbagai pihak. Dalam aspek berwuduk, semestinya ia melibatkan pemborosan terhadap sumber alam yang paling utama untuk keperluan hidupan di muka bumi iaitu air. Jika tidak ditangani dengan segera ditambah pula dengan isu kemarau, El Nino, pencemaran air, penerokaan hutan secara haram dan sebagainya, natijahnya lambat laun akan menjejaskan seluruh kehidupan makhluk di bumi ini. Justeru, kajian ini dijalankan bagi melihat aspek pemborosan di dalam berwuduk menurut perspektif Islam yakni sebagaimana yang diamalkan oleh Baginda Nabi SAW dan seterusnya meninjau adakah berlaku pemborosan dalam amalan berwuduk masyarakat umum. Kajian dilakukan dengan meninjau amalan berwuduk masyarakat di masjid-masjid sekitar Bandar Jengka dan UiTM Pahang. Secara umum, dapatan kajian menunjukkan pembaziran memang berlaku dalam menggunakan air ketika berwuduk di kalangan masyarakat berbanding apa yang diamalkan oleh Nabi SAW.

Kata Kunci: Amalan Berwuduk, Pembaziran, Wuduk

1. Pengenalan

Amalan berwuduk dalam Islam sering dikaitkan dengan amalan penyucian rohani dan jasmani. Perkara ini boleh dilihat melalui tatacara berwuduk itu sendiri yang memerlukan pelakunya membasuh anggota badan tertentu iaitu muka, tangan, kepala dan kaki. Manakala berkait dengan penyucian rohani, Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani pula dalam kitabnya *Sir Al-Asrar* mengaitkan berwuduk dengan penyucian diri secara batin. Jelas di sini Islam memandang tinggi amalan ini bahkan ia menjadi wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim ketika hendak melakukan ibadah tertentu seperti solat dan tawaf di Kaabah. Namun, di sebalik kemuliaan amalan ini, Islam juga menekankan agar ia dilakukan secara berhemah dengan tidak melakukan pembaziran yakni berwuduk dengan menggunakan air secara berlebihan. Natijah pembaziran ini dibimbangi bakal menyumbang kepada krisis bekalan air di masa hadapan dengan pelbagai isu semasa yang melanda sumber alam yang amat penting ini. Isu penerokaan hutan tadahan air umpamanya telah memberi kesan kepada sumber alam ini sebagaimana dilaporkan oleh Astro Awani pada 18 Mei 2016 yang meninjau penerokaan hutan tadahan air di Ulu Tembeling bagi tujuan perladangan. Aktiviti ini dikenalpasti menjadi antara penyebab kepada keketekan Sungai Tembeling yang menjadi sumber utama air bagi warga negeri Pahang. Manakala di Selangor, negara digemparkan pula dengan pencemaran sungai yang mengakibatkan Loji Rawatan Air

yang membekalkan air kepada 1.6 juta pengguna terpaksa ditutup hampir sebulan pada Oktober 2016. Dengan pelbagai isu yang melanda sumber air di Malaysia, kajian berkenaan aspek pembaziran dalam berwuduk ini dirasakan amat tepat pada masanya memandangkan ianya mampu memberi gambaran berkenaan aspek penggunaan sumber air dalam amalan berwuduk di kalangan masyarakat umum. Diharapkan dapatan kajian boleh dijadikan asas ke arah melestarikan sumber dan bekalan air untuk survival umat manusia secara amnya.

2. Amalan Wuduk Menurut Perspektif Islam - Praktikal Wuduk Menurut Sunnah Nabi SAW

Wuduk adalah ibadah yang penting dalam Syariat Islam. Ini kerana ia merupakan antara syarat sah yang utama bagi ibadah solat. Sabda Nabi SAW dalam hadis riwayat Abu Hurairah:

لَا يَقْبَلُ اللَّهُ صَلَاةَ أَحَدِكُمْ إِذَا أَحْدَثَ حَتَّى يَتَوَضَّأَ

Maksudnya:

“Allah tidak menerima solat salah seorang dari kamu jika dia berhadass sehingga dia berwuduk.”

(Riwayat Muslim)

Hadis ini menyatakan secara jelas bahawa solat seseorang yang tidak berwuduk setelah berhadass adalah tidak sah dan tidak diterima (Abu Abdullah, 2002).

Meskipun ibadat wuduk mengandungi fadilat dan hikmat yang besar, namun Nabi SAW menganjurkan pelaksanaan ibadat wuduk dilakukan dengan cara yang berhemah. Nabi SAW juga melarang umatnya daripada terlibat dengan sebarang bentuk pembaziran termasuklah dalam konteks berwuduk. Dalam hadis Abdullah bin Umar, ketika Nabi SAW lalu berhampiran Saad yang sedang berwuduk, Baginda SAW bersabda:

مَا هَذَا السَّرْفُ يَا سَعْدُ، قَالَ: أَفِي الْوُضُوءِ سَرْفٌ؟ قَالَ: نَعَمْ وَإِنْ كُنْتُ عَلَى نَهْرٍ جَارٍ

Maksudnya:

“Apakah bentuk pembaziran ini wahai Saad? Saad berkata: Adakah dalam berwuduk pun boleh berlaku pembaziran. Sabda Nabi SAW: Ya, walaupun kamu berada di sungai yang mengalir.”

(Riwayat Ahmad dan Ibn Majah)

Hadis ini menunjukkan tentang larangan membazir air ketika berwuduk. Malah para ulama berijmak melarang pembaziran air walau berada di laut sekalipun (Abadiy, 1415H).

Justeru, Baginda Rasulullah SAW mendidik umatnya agar mempraktikkan ibadat wuduk dengan kaedah dan cara yang boleh mengelakkan pembaziran air. Terdapat beberapa riwayat hadis menunjukkan kadar penggunaan air yang dipraktikkan oleh Nabi Muhammad SAW ketika berwuduk. Daripada Abdullah bin Zaid berkata:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَى بِثُلَاثِي مَدٍّ فَتَوَضَّأَ

Maksudnya:

“Bahawa Nabi SAW didatangkan (dibawa) dengan dua pertiga cupak, lalu Baginda berwuduk.”

(Riwayat Ahmad)

Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi SAW berwuduk menggunakan air sebanyak dua pertiga *mud* (cupak). Malah hadis di atas merupakan riwayat yang menjelaskan mengenai kadar air yang paling sedikit pernah digunakan oleh Nabi SAW untuk berwuduk iaitu dua pertiga cupak. Sukatannya ialah *ritlan* (dua kati) atau *ritl wa thulus* (sekati satu pertiga/suku) atau memenuhi dua tapak tangan manusia yang biasa. (Al-Sun'aniy, 1988). Manakala sekati, bersamaan 2564 gram (Muhammad Yunos, 1973).

Sementara, hadis Abu Raihanah dari Safinah, hadis Aisyah dan Jabir pula:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَوَضَّأُ بِالْمُدِّ وَيَغْتَسِلُ بِالصَّاعِ

Maksudnya:

“Rasulullah SAW dahulu berwuduk dengan kadar secupak (air) dan mandi dengan kadar segantang.”

(Riwayat Ahmad, Ibn Majah dan Al-Tirmizi)

Hadis di atas menerangkan bahawa Nabi SAW pernah berwuduk dengan kadar secupak air. Sukatan cupak menurut majoriti ulama ialah sebanyak sekati satu pertiga mengikut sukatan Baghdadiy. Manakala Imam Abu Hanifah pula mengatakan sukatannya ialah dua kati Baghdadiy (Al-Sindiy, t.t).¹ Menurut Mustafa al-Khin (2005) bahawa secupak bersamaan kira-kira 9.2 sm padu. Kadar secupak yang diamalkan oleh Rasulullah SAW mengikut kiraan semasa adalah kurang daripada 1 liter air iaitu kira-kira 0.688 liter, menurut Fatwa dalam laman Islamweb. Hadis ini juga menunjukkan makruh perbuatan membazir air sama ada ketika mandi mahupun berwuduk.

Bagaimanapun, hadis riwayat Anas RA mengatakan bahawa:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - يَتَوَضَّأُ بِإِنَاءٍ يَكُونُ رَطْلَيْنِ وَيَغْتَسِلُ بِالصَّاعِ

Maksudnya:

“Nabi SAW dahulu berwuduk dengan menggunakan bekas bagi dua kati air dan mandi dengan kadar segantang.”

(Riwayat Ahmad dan Abu Dawud)

Hadis ini jelas menerangkan bahawa Nabi SAW berwuduk dengan kadar yang sedikit juga iaitu dua kati air dan mandi dengan segantang air.

Berdasarkan kepada hadis-hadis yang lalu mengenai kadar air wuduk yang berlainan, menunjukkan bahawa mesej yang ingin disampaikan oleh Rasulullah SAW ialah galakan amalan berwuduk secara berhemah serta larangan dari pembaziran air. (Al-Sun'aniy, 1988).

Melalui dalil-dalil ini juga ternyata memperlihatkan contoh teladan yang baik dari Nabi SAW dengan mengamalkan nilai mulia seperti berhemah dan berjimat cermat dalam semua aspek kehidupan termasuklah dalam konteks ibadah yang kecil seperti berwuduk. Hal ini menjelaskan kepada kita betapa pentingnya budaya jimat dan bahayanya gejala boros serta pembaziran walaupun dalam ibadah ringan yang bersifat individu. Apatah lagi dalam hal-hal yang besar dan serius seperti urusan pentadbiran negara dan seumpamanya. Dalam konteks perbincangan ini, prinsip yang perlu dipraktikkan oleh semua individu muslim sebagai proses ke arah sifar pembaziran ialah:

لا خير في التبدير ولا تبدير في الخير

Maksudnya:

“Tiada kebaikan dalam pembaziran dan tiada pembaziran dalam kebaikan”.

3. Tinjauan Umum Penggunaan Kuantiti Air di dalam Berwuduk

Bahagian ini akan membentangkan dapatan melalui tinjauan di masjid-masjid sekitar bandar Jengka dan UiTM sendiri. bPemerhatian dilakukan dengan mengukur masa bermula paip air dibuka hingga selesai proses wuduk oleh responden tanpa mereka sedari. Penyelidik kemudiannya mengulang proses membuka paip air selepas itu berdasarkan masa yang dicatat oleh responden sebelumnya dan menadah air tersebut di dalam bekas. Air ini kemudiannya disukat untuk mengetahui jumlah liter air yang digunakan untuk berwuduk oleh responden.

Daripada sejumlah 35 pemerhatian yang dilakukan, didapati masa yang digunakan untuk berwuduk adalah antara 45 saat hingga 90 saat dengan purata masa 60 saat manakala purata kuantiti air yang digunakan pula adalah 5 liter.

4. Kesimpulan dan Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian di atas, boleh disimpulkan bahawa terdapat pemborosan air di kalangan responden kajian berbanding apa yang diamalkan Nabi SAW. Dapatan kajian menunjukkan responden menggunakan lebih tujuh kali ganda kuantiti air yang digunakan Nabi SAW untuk berwuduk, iaitu purata 5 liter berbanding 0.688 liter. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Suratkon et al.. (2014) dan Johari, Anwar dan Hassan, (2102) yang melaporkan memang terdapat pembaziran air di dalam amalan berwuduk di Malaysia.

Berdasarkan data di laman web *World Data Atlas*, terdapat beberapa negara yang mempunyai empangan-empangan berkapasiti 85.3 juta liter simpanan air seperti Nepal, Malawi, Jamaica dan Congo. Jika dibandingkan dengan dapatan kajian di atas, purata responden membazirkan 4 liter air setiap kali berwuduk, ia hanya memerlukan lebih kurang 600,000 orang untuk berwuduk selama satu minggu, yakni 35 kali untuk menyamai kapasiti empangan utama di negara-negara tersebut. Walaupun Malaysia ketika ini boleh disifatkan masih belum mencapai tahap krisis bekalan air, dibimbangi pada masa akan datang air tidak boleh lagi kita nikmati sebagaimana hari ini. Dengan gabungan faktor-faktor penerokaan hutan yang tidak terkawal, pencemaran dan lain-lain lagi, krisis bekalan air bukanlah sesuatu yang mustahil untuk berlaku pada masa akan datang. Justeru, untuk menangani isu pembaziran dalam wuduk ini beberapa kaedah boleh digunapakai sebagaimana jadual 1 berikut:

Jadual 1. Kaedah Penggunaan Air Wuduk dan Perbandingan

Kaedah	Kelebihan	Kekurangan
Paip tekan-berhenti	Menggunakan air yg lebih jimat berbanding paip konvensional	Kurang kos efisien berbanding paip konvensional
Kolah tadahan air	Paling menjimatkan air. Oleh kerana ia diguna secara berulang-ulang tanpa perlu dibazirkan namun masih mas dari segi hokum feqah kerana kuantiti melebihi 2 kolah	Masalah kebersihan. Berdasarkan pemerhatian, kolah yang tidak diselenggara dengan baik mempunyai kotoran keladak di dasar kolah dah airnya keruh.

Paip teknologi sensor	Menggunakan air yg lebih jimat berbanding paip konvensional	Kos yang sangat tinggi untuk memasang dan selenggara.
-----------------------	---	---

Selain itu, Suratkon et al., (2014) telah memperkenalkan satu produk *SmartWUDHU* yang mengitar semula air basuhan wuduk untuk kegunaan lain seperti menyiram tanaman dan minuman binatang ternak. Diharapkan, kajian aspek penjimatan di dalam berwuduk ini boleh menyumbang ke arah melestarikan sumber bekalan air untuk negara dan dunia amnya demi kepentingan generasi pada masa akan datang.

5. Rujukan

- Abu 'Abdullah, Abdul Rahman bin Nasir. (2002). *Bahjat Qulub al-Abrar wa Qurratu 'Uyun al-Akhyar fi Sharh Jawami' al-Akhbar, Maktabat al-Rushd li al-Nasyr wa al-Tawzi'*, jil. 1, hlm. 57.
- Abadiy, Muhammad Ashraf bin Amir. (1415H). *'Awn al-Ma'bud Sharh Sunan Abi Dawud*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, jil 1, hlm118.
- Al-Sindiyy, Muhammad bin Abdul Hadi, Hasyiah al-Sindy 'ala Sunan ibn Majah. (t.t). Beirut: Dar al-Jayl, Jil. 1, hlm. 116.
- Al-Sun'aniy, Muhammad bin Ismail. (1988). *Subul al-Salam, Sharh Bulugh al-Maram min Jam'i Adillah al-Ahkam*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, jil 1, hlm. 77. <http://fatwa.islamweb.net/fatwa/index.php> (Tarikh capaian: 02/11/2016).
- Johari, N. H., Anwar, R., & Hassan, O. H. (2012, September). Design framework of ceramic ablution tub. In *Business, Engineering and Industrial Applications (ISBEIA), 2012 IEEE Symposium on* (pp. 608-610). IEEE.
- Muhammad Yunos. (1973). Jakarta: Yayasan Penyelenggara Penterjemah/ Pentafsir al-Quran, hlm. 143.
- Mustafa al-Khin. (2005). *Al-Fiqh al-Manhaji (Terjemahan)*, Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, jil. 1, hlm. 133.
- Suratkon, A., Chan, C. M., & Ab Rahman, T. S. T. (2014). *SmartWUDHU': Recycling Ablution Water for Sustainable Living in Malaysia*. *Journal of Sustainable Development*, 7(6), 150.
- World Data Atlas, <https://knoema.com/atlas/Jamaica/topics/Water/Dam-Capacity/Total-dam-capacity>. Diakses pada 4 November 2016.